

## TAJUK: “BERKORBAN APA SAJA – HARTA ATAUPUN NYAWA”

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ. الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ عِندَ الْأَضْحَىٰ عِبْرَةً لِلْمُؤْمِنِينَ وَ الصَّلَاةَ وَ السَّلَامَ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَ الْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَ أَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ وَ أَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا صَادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينِ. أَيُّهَا الْإِخْوَانُ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَ أَنْتُمْ مُسْلِمُونَ فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ... وَالْبَدَنَ جَعَلْنَاهَا لَكُمْ مِّنْ شَعَائِرِ اللَّهِ لَكُمْ فِيهَا خَيْرٌ ۖ فَادْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهَا صَوَافَّ ۗ فَإِذَا وَجَبَتْ جُنُوبُهَا فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْقَانِعَ وَالْمُعْتَرَّ ۗ كَذَلِكَ سَخَّرْنَاهَا لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya, “Dan Kami jadikan unta (yang dihadiahkan kepada fakir miskin Makkah itu) sebahagian daripada syiar agama Allah untuk kamu, pada menyembelih unta tersebut ada kebaikan bagi kamu, oleh itu sebutlah nama Allah (semasa menyembelihnya) ketika ia berdiri di atas tiga kakinya maka apabila ia tumbang (serta putus nyawanya), makanlah sebahagian daripadanya dan berilah (bahagian yang lain) kepada orang-orang yang tidak meminta dan yang meminta. Demikianlah Kami mudahkan dia untuk kamu (menguasainya dan menyembelihnya) supaya kamu bersyukur.” (Surah al-Hajj: 36)

Di dalam kitab al-Tafsir al-Munir, As-Syeikh Dr Wahbah al-Zuhaili menjelaskan bahawa “Ia (Unta – binatang korban) sebagai tanda dan lambang kebesaran agama Allah dengan pelaksanaan ibadah korban,” malah di dalam Tafsir As-Shaghir dinyatakan bahawa daging-

daging korban menjadi suatu hadiah kepada mereka yang berkecukupan (tidak meminta-minta) dan ia menjadi sedekah kepada mereka yang memerlukan (golongan fakir dan miskin) dan semuanya itu untuk menghadirkan rasa kesyukuran yang tidak berbelah bahagi dan tiada duanya kepada Allah SWT. Maka itulah yang terbukti, apabila jiwa-jiwa beriman menyahut panggilan baitullah, juga dengan solat Aidil Adha yang baru sebentar tadi kita abdikan diri, malah dengan binatang-binatang yang akan kita korbankan sebaik sahaja berakhirnya khutbah Aidil Adha ini.

Wahai hamba-hamba Allah yang beriman...! Mari kita telusuri sedikit kisah yang menjadi asbab kita berhimpun di pagi yang mulia ini. Nabi Ibrahim AS adalah seorang Nabi yang amat hebat ibadah dan pengorbanannya, Baginda AS dikenali dengan sikap dermawan dan suka berbelanja di jalan Allah SWT sehingga Baginda terbiasa berkorban dengan sebanyak 1000 ekor kambing, 300 ekor lembu dan 100 ekor unta, namun satu ujian Allah kurniakan kepada Baginda AS adalah tidak memiliki seorang pun zuriat dari perkahwinannya bersama dengan Siti Sarah sehinggalah umurnya mencecah 86 tahun. Kedermawanan Nabi Ibrahim membuat Malaikat Jibril terpegun dan para malaikat lainnya terkagum dengan ibadah korban Baginda AS, malah seluruh malaikat memuji-mujinya. Lalu Nabi Ibrahim AS pun berkata, *“Semua yang menjadi korbanku ini belumlah menjadi apa-apa bagi diriku. Demi Allah! Seandainya suatu hari nanti, aku dikurniakan seorang anak lelaki pasti akan aku persembahkan juga di jalan Allah dan aku akan korbankan dia untuk Allah SWT.”*

Hari berganti hari, bulan berganti bulan dan masa terus berlalu. Keinginan Nabi Ibrahim AS untuk mendapatkan zuriat serta rasa kekurangan yang ada pada dirinya menyebabkan Siti Sarah mengizinkan Nabi Ibrahim mengahwini Siti Hajar yang merupakan seorang puteri Raja Mesir. Perkahwinan pun berlangsung dan selang beberapa ketika Siti Hajar telah mengandung dan kemudiannya melahirkan insan mulia Nabi Ismail AS. Setelah itu, membesarkan Nabi Ismail

AS sehingga menjadi seorang remaja beriman. Ulama berbeza pendapat namun yang rajihnya mengatakan di usia Nabi Ismail AS berumur 13 tahun, maka Allah SWT mendatangkan mimpi benar (الرئيا الصادقة) sehingga 3 malam berturut-turut. Pada mimpi malam pertama, ia mendatangkan suatu keraguan yang tinggi bahawa adakah benar itu benar-benar dari Allah SWT atau dari syaitan yang tidak pernah berhenti dari menghasut sehingga menyebabkan Nabi Ibrahim termenung dan bermenung malah berfikir dan terus tertanya-tanya. Ini berlaku pada tanggal 8 Zulhijjah sehingga ia dinamakan hari *Tarwiyah* (tertanya-tanya). Malam berikutnya... 9 Zulhijjah, mimpi yang sama itu datang lagi, mimpi yang mendatangkan perintah Allah SWT untuk membunuh anaknya Ismail AS, sedangkan anak itu sedang membugari usia remajanya, rupawan lagi beriman wataknya, berakhlak dan ligat membantu ayahandanya – adakah benar anak sebegini baik diperintah Tuhan untuk disembelih...?

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Jiwa seorang Nabi, yang tidak pernah ragu-ragu dengan Tuhannya telah sedar dan tahu bahawa mimpi itu adalah benar, maka kearifan Nabi Ibrahim itulah yang dinamakan sebagai hari *Arafah*. Rupa-rupanya, Nabi Ibrahim AS terlupa akan kata-katanya yang menjadi seumpama nazarnya kepada Allah SWT ketika Baginda AS belum dikurniakan anak dulunya. Maka di malam ketiga Allah SWT hadirkan lagi mimpi yang ketiga, bagi menguatkan keyakinan Nabi Ibrahim sehingga terjadilah dialog antara seorang anak yang taat patuh melalui didikan bapa yang beriman dan inilah yang dirakamkan dalam al-Quran untuk menjadi pedoman buat umat Muhammad SAW sehingga ke akhir zaman. Firman Allah SWT dalam surah As-Shoffat yang berbunyi;

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يُبَيِّئُ لِي فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَى قَالَ يَا بَتِ افْعَلْ  
مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ

Maksudnya, “Maka tatkala anak itu sampai (pada umur sanggup) berusaha bersama-sama Ibrahim, Ibrahim berkata: "Hai anakku sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku menyembelihmu. Maka fikirkanlah apa pendapatmu!" Ia menjawab: "Hai bapakku, kerjakanlah apa yang diperintahkan kepadamu, Insya Allah kamu akan mendapatiku termasuk orang-orang yang sabar.” (Surah As-Shoffat: 102)

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ

Hadirin sekalian... Kita pernah mendengar bait-bait lagu Tan Sri P. Ramlee berbunyi, “*Berkorban Apa Saja, Harta Atau Pun Nyawa, Itulah Kasih Mesra, Sejati Dan Mulia, Kepentingan Sendiri Tidak Diingini, Bahagia Kekasih Saja Yang Diharapi, Untuk Menjadi Bukti, Kasih Yang Sejati Itulah Tandanya, Jika Mahu Diuji...*”. Sungguh benar bait-bait lagu ini jika dihayati, kalaulah kalangan wanita khususnya para ibu menyerupai tingkah laku Siti Hajar, andainya kelompok anak muda mewakili keperibadian akhlak Nabi Ismail Zabihullah, sekiranya terzahir orang-orang tua dewasa laksana Nabi Ibrahim Khalilullah... demi kerana Allah dan Rasul tercinta yang mulia, demi kerana al-Quran dan solat tiang agama, demi kerana umat dan perjuangan ... pastikan kita sanggup korbankan harta dan nyawa, kerana itulah tanda kasih mesra yang paling sejati dan mulia. Kalau itulah yang menjadi matlamat hakikinya maka kepentingan diri sendiri sudah berada di tepi dan tidak diendahkan lagi, malah yang ingin kita bahagiakan adalah untuk bersama dengan kekasih kita yakni Allah dan Rasul semata-mata. Malah sebagai seorang mukmin, tiadalah harapan yang paling besar dan utama melainkan menzahirkan bukti dan tanda kasih sejati kita kepada Allah SWT dan Rasulallah SAW andai sekiranya kita diuji.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ

Wahai umat Muhammad SAW... Kita sedang diuji. Apakah ujian yang kita sedang hadapi...? Kita sedang berhimpun hampir 3 juta umat di arafah ketika ini, namun saudara seagama kita di Ghazah, Rafah Palestin sudah melebihi 45,000 jiwa sudah terkorban. Di ketika mana kita

aman mendengar khutbah sebegini, mereka setauhid dan seakidah bertempiran lari menyelamatkan nyawa dari hujan peluru yang tidak bermata. Tatkala seluruh dunia umat muslimin merebah dan melapah lembu dan binatang korban mereka, tetapi di kala itu jua masih berjuta umat seagama sedang kelaparan dan kehausan serta hidup dalam serba kekurangan juga kemiskinan di sebahagian ufuk dunia. Kenapa harus ada lagi persoalan sebegini. Adakah salah pada Islamnya kah? Atau salah pada muslimnya kah? Di manakah jawapan pada persoalan ini yang sekian lama terjadi namun sebegitu lama ia tetap tidak terjawab. Contohnya peristiwa hari Nakbah Palestin (hari bencana) sudah berlalu 76 tahun semenjak 15 Mei 1948, pihak Yahudi Zionis laknatullah mencerooboh dan menjajah sebahagian tanah Palestin dan sehinggalah peristiwa 7 Oktober 2023 yang lalu. Ujian buat umat Muhammad adalah dimanakah mata dan pandangan kita, dimanakah telinga dan pendengaran kita dan dimanakah pula letaknya hati dan perasaan kita. Adakah mata kita sudah dibutakan, adakah telinga kita sudah ditulikan atau adakah hati kita sudah hilang rasa simpati dan kasihan? Atau adakah lidah umat ini sudah dipotong-potong hingga tidak lagi mampu untuk berkata-kata?

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ

Wahai umat Muhammad SAW, persoalan ini kena difikirkan bersama dan apakah kesudahannya? Ujian dan persoalan itu akan kekal begitu sehinggalah kita umat Muhammad SAW menemui jawapannya yang paling tuntas... namun dikesempatan Aidil Adha ini dan di atas maksud tajuk khutbah, **“Berkorban Apa Saja – Harta ataupun Nyawa”** marilah bersama kita bertekad dan berazam bahawa demi kerana Allah dan Rasul, kita sanggup langsaikan harta dan gadaikan nyawa agar Islam kembali berdaulat di dunia dan umatnya pulang semula ke takhta khalifah yang menerajui dunia dengan penuh kebenaran dan keadilan, sebagaimana Allah berfirman;

وَمَتَّ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا لَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَاتِهِ ۗ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Maksudnya, “Dan telah sempurnalah Kalimah Tuhanmu (Al-Quran, meliputi hukum-hukum dan janji-janjiNya) dengan benar dan adil, tiada sesiapa yang dapat mengubah sesuatupun dari Kalimah-kalimahNya dan Dia lah yang sentiasa Mendengar lagi sentiasa Mengetahui.” (Surah al-An'am: 115)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.  
اللَّهُ أَكْبَرُ! اللَّهُ أَكْبَرُ! اللَّهُ أَكْبَرُ! اللَّهُ أَكْبَرُ! اللَّهُ أَكْبَرُ! اللَّهُ أَكْبَرُ! اللَّهُ أَكْبَرُ!